



KERANGKA KERJA INTEGRITI & PEMATUHAN PUSPAKOM

PUSPAKOM INTEGRITY & COMPLIANCE FRAMEWORK (PICF)

Versi 2022

Diterbitkan oleh

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Company No: 199401000307 (285985-U)

Level 3, Wisma DRB-HICOM

No 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1

40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Edisi Pertama 2022

© Copyright 2022

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah PUSPAKOM Sdn. Bhd.
Kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Sdn. Bhd.
Komitmen Pengurusan Tertinggi PUSPAKOM
Ringkasan Eksekutif
Singkatan

1. PENGENALAN

9

Latar Belakang PUSPAKOM
Peranan PUSPAKOM
Dasar Integriti Dan Tadbir Urus
Inisiatif Pengukuhan Integriti & Tadbir Urus
Polisi Anti Rasuah PUSPAKOM

2. MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

15

Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
(Pindaan) 2018
Tatacara Mencukupi

3. PELAN PICF PUSPAKOM

19

Keperluan Kepada Kerangka PICF
Fokus Utama - Pelan PICF PUSPAKOM 2021-2024

4. INISIATIF ANTI RASUAH PUSPAKOM

22

Melaksanakan inisiatif-inisiatif Anti Rasuah PUSPAKOM

Rujukan

PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH PUSPAKOM SDN. BHD.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Integriti adalah asas kejayaan sesebuah organisasi dimana ianya memberitahu kita untuk melakukan perkara dengan betul walaupun tiada sesiapa yang memerhatikan kita. Integriti merupakan antara etika dan prinsip yang penting yang harus diterapkan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita samada ketika berurusan dengan pihak berkepentingan, pelanggan, sesama Warga Kerja mahupun badan kawal selia.

Alhamdulillah Pelan Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM atau *PUSPAKOM Integrity & Compliance Framework* ("PICF") telah berjaya disiapkan. Ia menggambarkan usaha-usaha gigih dengan perancangan pelan yang teliti untuk memperkasa budaya kerja berintegriti tinggi di PUSPAKOM. Integriti memaparkan elemen penting untuk dihayati dan diamalkan bersama. Ianya bertujuan untuk memberikan penerangan secara padat dan tepat mengenai prinsip, nilai, etika serta pematuhan peraturan dan perundangan termasuklah pematuan terhadap undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM").

Di kesempatan ini, saya ingin menekankan bahawa isu integriti dan rasuah memberi implikasi negatif kepada Syarikat, di mana ia mempengaruhi tahap keyakinan orang ramai terutama pelanggan kepada jenama PUSPAKOM itu sendiri. Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi PUSPAKOM bertekad untuk memastikan semua Warga Kerja komited tanpa ada toleransi terhadap sebarang bentuk kesalahan atau salahlaku yang berkaitan integriti dan rasuah.

Akhir kata, saya berharap agar PICF dapat membantu kita menjalankan tugas dengan penuh berintegriti, bertanggungjawab dan memperbaiki serta mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan PUSPAKOM ke tahap yang lebih sempurna, berintegriti tinggi, profesional dan penuh beretika.



“

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi PUSPAKOM bertekad untuk memastikan semua Warga Kerja komited tanpa ada toleransi terhadap sebarang bentuk kesalahan atau salahlaku yang berkaitan integriti dan rasuah.

”

Dato' Sri Solah Mat Hassan
 Pengerusi Lembaga Pengarah
 PUSPAKOM Sdn Bhd

KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PUSPAKOM SDN. BHD.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Pemeriksaan integriti melalui Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM atau *PUSPAKOM Integrity & Compliance Framework* ("PICF") adalah bertepatan dengan peruntukan Perundangan di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Pindaan) 2018, bertujuan mendorong aktiviti perniagaan dijalankan dalam persekitaran bebas rasuah.

PICF adalah merupakan rujukan utama pelan tindakan dan garis panduan Syarikat dalam mengambil langkah-langkah efektif untuk mencegah pelakuan rasuah, salahguna kuasa dan isu integriti dalam organisasi. Aspek tadbir urus Syarikat dan pematuhan sedia ada dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan peranan serta inisiatif bersifat proaktif yang diambil adalah berkesan dalam mencegah serta menangani isu integriti dan rasuah.

Setiap daripada kita harus membuat keputusan yang tepat dan bertindak dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah. Pembudayaan integriti yang juga berpegang kepada nilai murni dan persekitaran kerja yang harmoni ini adalah tanggungjawab semua pihak termasuklah peringkat Pengurusan Tertinggi serta semua Warga Kerja PUSPAKOM.

Justeru, PICF ini bukan sekadar dokumen yang hanya mempamerkan usaha menjayakan misi, visi dan inisiatif memperkasa integriti dan toleransi sifar rasuah, ianya adalah garis panduan untuk semua Warga Kerja PUSPAKOM dalam menunaikan tugas dengan penuh integriti dan amanah.

Harapan saya agar Warga Kerja PUSPAKOM dapat memahami, menghayati dan bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan tindakan PICF. Marilah kita bertekad mendokong serta menggerakkan pendekatan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti. Jadikan PICF sebagai panduan membudayakan integriti dalam amalan kehidupan dan menerapkan kualiti dan ketelusan melalui amalan terbaik tadbir urus Syarikat.



“Pemeriksaan integriti melalui Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM atau *PUSPAKOM Integrity & Compliance Framework* ("PICF") adalah bertepatan dengan peruntukan Perundangan di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Pindaan) 2018, bertujuan mendorong aktiviti perniagaan dijalankan dalam persekitaran bebas rasuah”

Mohammed Shukor Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
PUSPAKOM Sdn. Bhd.

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pihak Pengurusan Tertinggi PUSPAKOM sentiasa memberikan sepenuh komitmen kepada integriti dan mempromosikan budaya ketelusan, keterbukaan, kejujuran, etika dalam menjalankan operasinya dan aktiviti perniagaan PUSPAKOM.

Pihak Pengurusan Tertinggi komited untuk:-

- Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi;
- Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan anti rasuah yang berkuatkuasa;
- Menguruskan risiko rasuah secara berkesan.



ASSURE SAFETY WITH INTEGRITY

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM (PICF) dibangunkan sebagai salah satu usaha dan inisiatif PUSPAKOM mendukung aspirasi kerajaan bagi memartabatkan budaya berintegriti.

PICF adalah mematuhi peruntukan Seksyen 17A (Liabiliti Korporat untuk kesalahan rasuah) Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 yang berkuatkuasa pada Jun 2020 dan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

OBJEKTIF PICF ADALAH:

- Memperkemas dan menyelaraskan dasar, prosedur, garis panduan dan inisiatif berkaitan integriti.
- Memperkasa, memperkemas dan meningkatkan aktiviti berkaitan integriti.
- Memastikan keberkesanan dan menambahbaik budaya integriti di kalangan kakitangan.

1. PENGENALAN

- Latar belakang dan peranan PUSPAKOM serta usaha yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan integriti dalam aktiviti perniagaan dan tadbir urus di PUSPAKOM.

2. MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- Pelaksanaan PICF selaras dengan Peruntukan di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 dan Tatacara Mencukupi dalam usaha memperkasakan pencegahan rasuah merangkumi Prinsip T.R.U.S.T.

3. PELAN PICF PUSPAKOM

- Keperluan dan Fokus Utama Pelan PICF PUSPAKOM dirangka bagi tahun 2021 sehingga 2024.

4. MELAKSANAKAN INISIATIF ANTI RASUAH PUSPAKOM

- Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh PUSPAKOM bagi memperkasakan usaha memerangi rasuah.

 SINGKATAN

ABAC	Anti Rasuah & Anti Korupsi (<i>Anti-Bribery & Anti-Corruption</i>)
ABMS	Sistem Pengurusan Anti Rasuah (<i>Anti-Bribery Management System</i>)
CAR	Wakil Yang Dilantik Pelanggan (<i>Customer Appointed Representative</i>)
CAVIS	Sistem Pemeriksaan Berkomputer (<i>Computerised Automated Vehicle Inspection System</i>)
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif (<i>Chief Executive Officer</i>)
CMC	Pusat Pemantauan Berpusat (<i>Centralised Monitoring Center</i>)
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah (<i>Corruption Risk Management</i>)
IEC	<i>International Electrotechnical Commission</i>
IGU	Unit Integriti & Governans (<i>Integrity & Governance Unit</i>)
IVIC	Pemeriksaan Kenderaan Import untuk Kastam (<i>Imported Vehicle Inspection for Customs</i>)
KPI	Indeks Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicators</i>)
MS ISO	<i>Malaysian Standard International Organization For Standardization</i>
MoU	Memorandum Persefahaman (<i>Memorandum of Understanding</i>)
NACP	Pelan Anti Rasuah Nasional (<i>National Anti-Corruption Plan</i>)
PICF	Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan (<i>PUSPAKOM Integrity & Compliance Framework</i>)
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Aplikasi **MyPUSPAKOM**



...Bila dan di mana sahaja



1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG PUSPAKOM

Ditubuhkan pada 1994, PUSPAKOM Sdn. Bhd. adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi jenis kenderaan perdagangan, perkhidmatan awam, serta kenderaan persendirian.




Bermula dengan 16 cawangan, kini PUSPAKOM (Disember 2021) mempunyai 54 rangkaian cawangan dan operasi PUSPAKOM telah berkembang pesat ke seluruh negara dalam menggalas tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh kerajaan di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

PUSPAKOM juga memiliki lebih daripada 35 unit bergerak yang terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Trak Ringan dan Unit Bergerak Van yang menawarkan pemeriksaan terus ke premis pelanggan bagi memenuhi permintaan pelanggan samada pelanggan individu dan juga korporat. Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Bergerak PUSPAKOM ini telah dilengkapi dengan mekanisme kawalan operasi melalui Pusat Pemantauan Berpusat ("CMC") di Ibu pejabat PUSPAKOM.

PUSPAKOM juga menyediakan 27 tapak pemeriksaan kenderaan yang menjalankan pemeriksaan kenderaan secara berjadual di kawasan bandar-bandar kecil di seluruh negara. Ianya bagi memastikan aksesibiliti atau kebolehcapaian orang ramai terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM dan memenuhi keperluan perundangan. Tambahan pula, PUSPAKOM juga telah menawarkan pilihan kepada pelanggan untuk membuat tempahan dan pembayaran atas talian bagi slot pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM melalui applikasi MyPUSPAKOM. Di samping itu, PUSPAKOM telah memperkenalkan 'PUSPAKOM One Stop Center' yang menawarkan perkhidmatan pembaharuan Lesen Kenderaan Bermotor & insurans kenderaan kepada orang ramai.



Taburan lokasi pusat pemeriksaan dan lawatan berjadual tetap PUSPAKOM di seluruh negara



Pensijilan dan akreditasi di PUSPAKOM

PUSPAKOM telah menerima pelbagai pensijilan dan pengiktirafan daripada Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM QAS International. Melalui pematuhan terhadap piawaian dan amalan antarabangsa, PUSPAKOM telah mencapai jaminan kualiti tertinggi dan menerima persijilan serta akreditasi berasaskan industri. Persijilan serta periktirafan ini termasuk:-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. QMS 02035

MS ISO 9001:2015
Sistem Pengurusan Kualiti



MIBAS 004

**Skim Akreditasi Badan Pemeriksa Malaysia
("MIBAS") & MS ISO/IEC 17020:2012**
Penilaian kompetensi & pematuhan - Keperluan untuk
Operasi Berbagai Jenis Badan Menjalankan Pemeriksaan



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO. : ABMS 00112

MS ISO 37001:2016
Sistem Pengurusan Anti-Rasuah



CERTIFIED TO ISO/IEC
27001:2013
CERT. NO. : AR6204

MS ISO/IEC 27001:2013
Sistem Pengurusan
Keselamatan Maklumat



CERTIFIED TO ISO 39001:2012
CERT. NO. : RTS 0001

MS ISO 39001:2013
Sistem Pengurusan Keselamatan
Trafik Jalan Raya

PERANAN PUSPAKOM

PUSPAKOM dilantik dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan kenderaan sepertimana yang ditetapkan dalam keperluan perundangan dan perjanjian yang berkaitan seperti berikut:-

Akta 333 - Akta Pengangkutan Jalan 1987

Akta 212 - Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan) 2010

Mengikut Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan PUSPAKOM Tahun 2009 - 2024

Akta 127 – Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974




Akta 334 – Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

Akta 715 – Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010

Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan

DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS

PUSPAKOM komited dalam mengambil langkah-langkah yang efektif untuk memerangi sebarang isu berkaitan salah laku integriti, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Ianya selaras dengan dasar/pelan antirasuah nasional dan keperluan undang-undang yang berkaitan.



INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI & TADBIR URUS

Pada asasnya, Kod Etika dan Amalan Perniagaan PUSPAKOM diwujudkan bertujuan menyatakan komitmen untuk perlakuan secara professional pada setiap masa serta menjalankan amalan perniagaan dengan telus, jujur dan berintegriti. Bermula pada tahun 2011, PUSPAKOM telah mengorak langkah ke arah memperkasakan integriti dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengekalkan tahap amalan integriti yang tinggi.

Disember 2021

Buku Panduan Integriti PUSPAKOM

September 2021

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

Jun 2021

Pengenaln PICF

Mac 2021

Kajian Persepsi & Amalan Integriti

Oktober 2020

Menyelaras Saluran Pemberian Maklumat

Januari 2020

Penubuhan Unit Integriti & Governans (IGU)

Oktober 2018

Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS

Julai 2018

Polisi Anti Rasuah PUSPAKOM

Mac 2015

- *Ikrar Integriti Korporat*
- *Memperkasakan Saluran Pemberian Maklumat*

Disember 2013

Penubuhan Jawatankuasa Integriti

November 2012

Pelan Integriti PUSPAKOM

Januari 2011

MoU bersama SPRM



POLISI ANTI RASUAH PUSPAKOM

PUSPAKOM mengamalkan toleransi sifar terhadap segala bentuk kegiatan yang berkaitan dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi Anti Rasuah ini menyatakan komitmen PUSPAKOM kepada integriti dan mempromosikan budaya ketelusan, keterbukaan, kejujuran, etika dalam menjalankan operasinya dan aktiviti perniagaan.

Polisi ini menyediakan garis panduan untuk menangani isu rasuah dalam aktiviti perniagaan dan operasi harian di dalam PUSPAKOM.

APLIKASI

Polisi ini adalah terpakai kepada semua ahli lembaga pengarah, wargakerja PUSPAKOM dan pihak berkepentingan seperti vendor, pembekal, kontraktor, pengedar, perunding, dan lain-lain pihak ketiga serta pelanggan/wakil pelanggan yang berurusan dengan PUSPAKOM.

PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH

PUSPAKOM SDN. BHD. adalah anak syarikat DRB-HICOM BERHAD, dan sebagai badan yang dilantik untuk pemeriksaan keselamatan kenderaan, **berjanji untuk menggalakkan budaya ketelusan, keadilan, dan kebertanggungjawaban di tempat kerja untuk memastikan tahap integriti dan tadbir urus yang tinggi.** Dalam usaha yang konsisten dan berterusan memerangi risiko rasuah, PUSPAKOM komited untuk:

- ✓ Menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja Anti Rasuah bagi semua pekerja dan pihak berkepentingan;
- ✓ Mematuhi semua undang-undang, akta, peraturan, prosidur dan lain-lain arahan berkaitan anti rasuah;
- ✓ Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menganalisa dan mencapai Objektif Sistem Pengurusan Anti Rasuah dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- ✓ Memenuhi semua keperluan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah;
- ✓ Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberian Maklumat;
- ✓ Menambahbaik Sistem Pengurusan Anti Rasuah secara berterusan;
- ✓ Melantik Jawatankuasa Integriti untuk memacu dan mempromosikan perkara dan aktiviti berkaitan etika, integriti & pematuhan PUSPAKOM; dan
- ✓ Mengenakan tindakan yang sesuai untuk ketidakpatuhan kepada polisi Anti Rasuah yang berkaitan.



2 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009 (PINDAAN) 2018

Peruntukan di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018, telah menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersial adalah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut. Organisasi komersial tersebut boleh disifatkan bersalah dalam keadaan sama ada/tidak, pihak pengurusan atasannya dan/atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah oleh pekerja atau pihak bersekutunya.

Peruntukan undang-undang ini bertujuan untuk memastikan urusan perniagaan dijalankan dalam persekitaran bebas rasuah, dan menggalakkan organisasi komersial melaksanakan langkah pencegahan rasuah dalam organisasi dan mempromosikan tadbir urus baik dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah. Bagi memastikan keberkesanannya, langkah-langkah yang diambil ini perlu merangkumi polisi dan prosedur, latihan, komunikasi dan penguatkuasaan.

Organisasi komersial perlu bertanggungjawab ke atas tindakan anak syarikat atau entiti yang dikawalinya, serta syarikat bersekutu. Individu yang dikaitkan dengan organisasi seperti yang diklasifikasikan oleh Seksyen 17A meliputi bukan sahaja pekerja, tetapi juga ahli lembaga pengarah, rakan kongsi atau individu yang melaksanakan perkhidmatan bagi pihak organisasi.



TATACARA MENCUKUPI

Berdasarkan subseksyen (5) seksyen 17A di bawah Akta SPRM (Pindaan) 2018, Menteri Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan tatacara mencukupi.

Objektif garis panduan yang diperkenalkan adalah untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara mencukupi yang boleh dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

Garis Panduan ini diwujudkan berasaskan lima prinsip utama yang boleh dijadikan asas rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan anti rasuah yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Prinsip-prinsip Tatacara Mencukupi iaitu **Prinsip T.R.U.S.T** boleh diterangkan seperti berikut:-

T.R.U.S.T

PRINSIP 1: **Komitmen Pengurusan Tertinggi (*Top Level Commitment*)**

Pengurusan tertinggi PUSPAKOM komited untuk mengamalkan integriti dan nilai etika yang tinggi dan menggalakkan semua warga kerja untuk mengamalkan budaya integriti yang tinggi dan toleransi sifar rasuah melalui penetapan polisi dan prosedur yang sesuai.

T.R.U.S.T

PRINSIP 2: **Analisa Risiko (*Risk Assessment*)**

PUSPAKOM menjalankan penilaian risiko '*Corruption Risk Assessment*' terhadap gejala rasuah secara berkala mengikut perubahan dan keperluan undang-undang dan arah tuju syarikat. Penilaian ini meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- Potensi aktiviti yang mungkin terdedah kepada rasuah yang terhasil akibat kelemahan kawalan dalaman;
- Mengenalpasti aktiviti perniagaan yang terdedah kepada aktiviti rasuah di bawah undang-undang pencegahan rasuah;
- Mengadakan tindakan kawalan serta menyelia keberkesananannya ke atas aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti terdedah kepada risiko rasuah.

T.R.U.S.T**PRINSIP 3:****Pelaksanaan Langkah Kawalan (*Undertake Control Measures*)**

PUSPAKOM mengambil pelbagai langkah kawalan dan kontingensi yang sesuai dalam menangani risiko rasuah. Bagi memastikan pematuhan, pelaksanaan dan pemantauan ke atas polisi, prosedur sediada; proses audit, ketekunan wajar dan saluran pemberian maklumat/aduan telah diwujudkan untuk mengenalpasti sebarang aktiviti berkaitan integriti dan gejala rasuah. Proses Audit dan Ketekunan Wajar boleh diaplikasikan kepada proses penting seperti perolehan, pengambilan pekerja dan operasi perniagaan.

T.R.U.S.T**PRINSIP 4:****Pemantauan, Penilaian & Penguatkuasaan Sistematis (*Systematic Review, Monitoring & Enforcement*)**

PUSPAKOM melaksanakan penilaian secara berkala melalui audit dalaman dan audit bebas oleh pihak luar. Ini bagi memastikan penilaian terhadap prestasi, kecekapan dan keberkesanan program-program kesedaran integriti dan pencegahan rasuah dijalankan secara konsisten dan konklusif.

T.R.U.S.T**PRINSIP 5:****Latihan & Komunikasi (*Training & Communication*)**

Latihan/seminar yang dijalankan secara berterusan adalah berkesan bagi mewujudkan kesedaran integriti dan pencegahan rasuah. Program advokasi dan informasi dihebahkan dengan pelbagai kaedah bersesuaian termasuk dengan menggunakan sistem maklumat terkini khususnya kepada wargakerja PUSPAKOM dan orang ramai.

PUSPAKOM BANTERAS**RASUAH!****Komitmen yang berterusan memerangi rasuah**

PUSPAKOM

 Ahli Kumpulan
DRB-HICOM




3

PELAN PICF PUSPAKOM

KEPERLUAN KEPADA KERANGKA PICF

Pembangunan PICF untuk tahun 2021 – 2024 adalah bertepatan pada masanya selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional atau National Anti-Corruption Plan (“NACP”) 2019 - 2023.

PICF menyelaraskan dan menyatukan dasar, prosedur, garis panduan dan inisiatif yang berkaitan dengan integriti dengan memperkemas dan mempertingkatkan lagi aktiviti berkaitan integriti dalam usaha memastikan keberkesanannya.

Semua warga kerja PUSPAKOM termasuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi komited untuk memperkasa, memantap dan membudayakan integriti agar PUSPAKOM memberi perkhidmatan terbaik. Antara strategi utama PUSPAKOM melibatkan perkara seperti berikut:-



Pemerkasaan

Memperkukuhkan dan memperkemas dasar, polisi, garis panduan dan prosedur berkaitan integriti.



Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap dasar, polisi, garis panduan dan prosedur yang telah dibentuk.



Pencegahan

Menggalakkan ketelusan, akauntabiliti dan budaya integriti dalam perkhidmatan.



Pengesanan

Melaksanakan tindakan pengesanan maklumat terhadap isu-isu yang menjurus kepada salahlaku berkaitan integriti.

FOKUS UTAMA - PELAN PICF PUSPAKOM 2021-2024

Pelan PICF menggariskan komitmen PUSPAKOM untuk membanteras sebarang salah laku dan mengukuhkan budaya integriti kepada kakitangan PUSPAKOM.

Antara fokus utama pelan tindakan PICF 2021-2024 adalah berteraskan kepada pendidikan, pencegahan, pematuhan dan komunikasi berterusan khususnya dalam meningkatkan kesedaran integriti Warga Kerja, imej dan reputasi PUSPAKOM sebagai badan pemeriksa kenderaan tunggal yang diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia. Fokus utama PICF adalah memantapkan proses dan prosidur kerja, menambahbaik system peralatan dan infrastruktur serta meningkatkan modal insan seperti berikut:-



1

- ✓ Mengemaskini dan menambahbaik proses dan prosidur yang sedia ada;
- ✓ Mengenalpasti dan memperkenalkan proses dan prosidur yang baru

- ✓ Ikrar Integriti Korporat
- ✓ Kod Etika & Amalan Perniagaan
- ✓ Polisi Anti Rasuah
- ✓ Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS
- ✓ Penyelarasan Saluran Pemberian Maklumat di Kumpulan DRB-HICOM
- ✓ Menjalankan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)
- ✓ Pengisytiharan aset dan konflik kepentingan oleh warga kerja PUSPAKOM
- ✓ Ketekunan wajar terhadap latar belakang dan pengisytiharan oleh vendor
- ✓ Pemantauan dan penilaian kepada kepatuhan operasi dan kualiti
- ✓ Semakan dan penelitian polisi dan prosidur yang sedia ada



2

- ✓ Mengemaskini dan menambahbaik system peralatan dan infrastruktur yang sedia ada;
- ✓ Mengenalpasti dan memperkenalkan teknologi baru yang relevan

- ✓ Penambahbaikan berterusan dan kawalan melalui automasi, sistem teknologi maklumat dan teknologi peralatan
- ✓ Sistem Pembayaran Tanpa Tunai
- ✓ Penaiktarafan Sistem Pemeriksaan Berkomputer (CAVIS)
- ✓ Perlaksanaan Sistem IVIC
- ✓ Mengawal selia dan pelaksanaan aktiviti orang tengah sebagai Wakil Yang Dilantik Pelanggan (CAR) – Pengenalan Sistem Pengurusan Wakil Pelanggan

FOKUS UTAMA - PELAN PICF PUSPAKOM 2021-2024 (samb.)



3

- ✓ Mempelbagaikan program advokasi dan kesedaran kepada warga kerja PUSPAKOM
- ✓ Menyediakan dan mewujudkan persekitaran kerja Anti Rasuah dan mempunyai nilai integriti yang kukuh

- ✓ Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Unit Integriti
- ✓ Penilaian dan pemantauan berterusan melalui lawatan mengejut dan aktiviti pengauditan
- ✓ Penggiliran pekerja (*Staff rotation*)
- ✓ Pelan komunikasi integriti seperti poster, infografik, video, e-Buletin dan sebagainya
- ✓ Program advokasi dan kesedaran secara berterusan mengenai integriti dan pencegahan rasuah
- ✓ Program taklimat kepada vendor dan pihak berkepentingan
- ✓ Menjalankan Kajiselidik Persepsi dan Amalan Integriti kepada warga kerja PUSPAKOM
- ✓ Pengenalan kepada KPI-Integriti syarikat
- ✓ Kajian semula mekanisme pembangunan kerjaya PUSPAKOM

PICF juga meliputi mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif di bawah pelan tindakan PICF dilaksanakan dalam jangkamasa yang ditetapkan dan sentiasa dikawalselia dan dikemaskini mengikut perubahan serta keperluan semasa.

Pelan PICF ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha murni memantapkan integriti, pencegahan rasuah dan governans. Ia juga menampakkan ketelusan, usaha gigih dan komitmen PUSPAKOM yang berterusan ke arah budaya integriti tinggi serta bebas rasuah.



4

INISIATIF ANTI RASUAH PUSPAKOM

INISIATIF ANTI RASUAH PUSPAKOM

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh PUSPAKOM mengikut Prinsip T.R.U.S.T adalah seperti berikut:



Komitmen Pengurusan Tertinggi (Top Level Commitment)

NO.	INISIATIF
1	Lembaga Pengarah PUSPAKOM meluluskan Program Anti Rasuah dan Anti Korupsi (Program PICF).
2	Mesyuarat Lembaga Pengarah PUSPAKOM membincangkan inisiatif-inisiatif yang berkaitan ABAC.
3	Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi menunjukkan komitmen terhadap pelaksanaan Program ABAC. Antara program yg dijalankan adalah 'Dialog Integriti PUSPAKOM' di cawangan yang terpilih.
4	Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi menunjukkan contoh terbaik dalam ketelusan dan integriti melalui tingkah laku mereka sendiri.
5	Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi menggalakkan budaya integriti dalam organisasi melalui buletin secara bulanan kepada kakitangan.
6	Lembaga Pengarah memantau pelaksanaan Program ABAC, berdasarkan:- a) Semakan yang berkala mengenai pelaksanaan, hasil audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan laporan prestasi daripada pengurusan tertinggi. b) Memberi cadangan hasil daripada semakan ke atas Program ABAC.
7	Lembaga Pengarah PUSPAKOM meluluskan polisi ABAC.
8	Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi menggalakkan penggunaan saluran pemberi maklumat berhubung dengan kejadian rasuah yang disyaki atau yang berlaku.
9	Ahli Lembaga Pengarah menerima latihan dan berpengetahuan tentang undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
10	Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM bertanggungjawab memastikan Program ABAC dijalankan secara konsisten dan berterusan.
11	Ketua Jabatan Jaminan Pengurusan dan Pematuhan bertanggungjawab untuk kordinasi Program ABAC dan mempunyai sumber yang mencukupi.
12	Ketua-ketua Jabatan berkaitan yang jelas untuk melaksanakan Program ABAC.
13	PUSPAKOM mempunyai polisi yang memenuhi keperluan undang-undang anti rasuah dalam semua bidang kuasa di mana ia menjalankan perniagaannya.

Komitmen Pengurusan Tertinggi (samb.)
(Top Level Commitment)

NO.	INISIATIF
14	PUSPAKOM mendaftarkan undang-undang berkaitan anti rasuah dan memantau perubahan undang-undang
15	PUSPAKOM memaparkan maklumat tentang inisiatif-inisiatif Program ABAC termasuk sistem pengurusan yang digunakan kepada orang awam. Taklimat berkaitan inisiatif integriti juga dilaksanakan di program Hari Bersama Pelanggan. Penjelasan: Contohnya, senarai polisi di bawah program, dan sistem pengurusan atau pensijilan yang dilaksanakan
16	Polisi ABAC PUSPAKOM merangkumi: a) Definisi untuk rasuah dan korupsi yang selaras dengan Akta SPRM 2009 dan undang-undang lain yang berkaitan, dan kenyataan yang melarang perbuatan rasuah dan korupsi. b) Pernyataan umum berkaitan komitmen PUSPAKOM terhadap integriti amalan perniagaan.

Analisa Risiko
(Risk Assessment)

NO.	INISIATIF
1	Pengurusan tertinggi mempunyai pengawasan terhadap proses penilaian risiko.
2	Tanggungjawab untuk penilaian risiko untuk rasuah diberikan.
3	PUSPAKOM menjalankan penilaian risiko rasuah secara berkala merangkumi semua operasi dan urusan perniagaan
4	Proses penilaian risiko rasuah mengenal pasti dan mengutamakan risiko meliputi bidang seperti: a) Peluang untuk rasuah disebabkan oleh kelemahan dalam tadbir urus dan prosedur dalaman b) Urus niaga/transaksi kewangan c) Pendedahan risiko melalui perhubungan dengan pihak ketiga dalam memberikan perkhidmatan/ kepada pihak Organisasi.
5	Polisi dan prosedur terperinci dikemaskinikan dan ditambahbaik berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan.



Pelaksanaan Langkah Kawalan (Undertake Control Measures)

NO.	INISIATIF
Sumber Manusia	
1	Amalan yang dijalankan oleh Bahagian Modal Insan seperti pengambilan staf, latihan, penilaian prestasi, imbuhan, pengiktirafan dan kenaikan pangkat adalah sejajar dengan komitmen PUSPAKOM terhadap Program ABAC.
2	PUSPAKOM menjalankan prosidur dalam proses pengambilan staff dengan adil dan telus serta bebas daripada rasuah.
3	Ketekunan Wajar yang sesuai dijalankan untuk pengambilan pekerja PUSPAKOM.
4	PUSPAKOM mempunyai dasar tiada tindakan menghukum: tiada pekerja akan mengalami penurunan pangkat, penalti atau akibat buruk lain kerana enggan terlibat dalam kegiatan rasuah walaupun penolakan sedemikian boleh mengakibatkan kehilangan sumber perniagaan.
5	PUSPAKOM mempunyai prosidur/dasar untuk mengenakan tindakan yang sesuai kepada pekerja sekiranya terdapat pelanggaran polisi/program ABAC, termasuk penamatan kerja
Hadiah, Layanan Baik Dan Keraian	
6	PUSPAKOM mempunyai polisi bertulis yang meliputi penerimaan/pemberian hadiah, layanan baik dan keraian a) Melarang tawaran atau penerimaan hadiah, layanan baik atau keraian yang boleh mempengaruhi hasil transaksi perniagaan b) Implikasi risiko tertentu bagi hadiah, layanan baik atau keraian yang boleh digunakan untuk rasuah dan korupsi c) Mempunyai kawalan, termasuk prosedur pelaporan untuk memastikan bahawa polisi itu dipatuhi d) Ketetapan yang menekankan had, nilai dan kekerapan untuk dikecualikan bagi tawaran/penerimaan hadiah, layanan baik atau keraian yang tidak munasabah dan tidak <i>'bona fide'</i>.



Pelaksanaan Langkah Kawalan (samb.) (Undertake Control Measures)

NO.	INISIATIF
	Sumber Manusia (samb.)
7	PUSPAKOM mempunyai prosedur untuk memastikan pengendalian yang betul hadiah, layanan baik dan keraian, termasuk: a) Komunikasi kepada semua pekerja garis panduan untuk memberi dan menerima hadiah, layanan baik dan keraian b) Latihan yang disesuaikan mengenai peraturan untuk polisi hadiah, layanan baik dan keraian untuk pekerja terutamanya fungsi kritikal yang dianggap berisiko tinggi c) Komunikasi kepada pihak ketiga mengenai garis panduan untuk polisi hadiah, layanan baik dan keraian d) Hadiah, layanan dan keraian yang diberikan direkodkan dan dinilai e) Pengurusan menjalankan semakan berdokumen tentang hadiah, layanan baik dan keraian yang diberikan atau diterima untuk memastikan pematuhan.
	Sumbangan Amal
8	PUSPAKOM mempunyai polisi bertulis berkaitan dengan sumbangan.
9	Terdapat prosedur dan kawalan untuk memastikannya sumbangan amal tidak digunakan untuk rasuah. Prosedur hendaklah: a) Sumbangan diberikan mengikut had limit yang dibenarkan. b) Sumbangan amal direkodkan dan diambil kira dengan tepat.
	Saluran Pemberian Maklumat
10	PUSPAKOM mempunyai polisi dan prosedur pemberi maklumat untuk pekerja dan pihak berkepentingan untuk menzahirkan kebimbangan dan melaporkan keadaan yang mencurigakan seawal mungkin.
11	Polisi/prosidur tersebut mempunyai saluran yang selamat dan boleh diakses di mana pekerja dan pihak berkepentingan boleh: - menzahirkan kebimbangan dan membuat pendedahan (whistle-blowing) secara yakin dan tanpa risiko tindakan balas dan mendapatkan nasihat mengenai Program ABAC.
12	Pemberi maklumat PUSPAKOM mempunyai saluran yang sesuai dan bahasa yang difahami.
13	Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi menyemak laporan mengenai penggunaan saluran pemberi maklumat.
14	PUSPAKOM mempunyai prosedur bagi menangani insiden rasuah.



Pelaksanaan Langkah Kawalan (samb.) (Undertake Control Measures)

NO.	INISIATIF
Kawalan Dalaman	
15	PUSPAKOM mempunyai sistem kawalan dalaman untuk membasmi rasuah. Penambahbaikan berterusan dan kawalan melalui automasi, sistem teknologi maklumat dan teknologi peralatan, Sistem Pembayaran Tanpa Tunai dan Penaiktarafan Sistem Pemeriksaan Berkomputer (CAVIS) dilakukan sebagai inisiatif untuk mengurangkan risiko rasuah.
16	Kawalan dalaman termasuk semakan dan imbalan kewangan dan organisasi ke atas perakaunan Organisasi dan amalan penyimpanan rekod dan proses perniagaan lain yang berkaitan dengan Program ABAC.
17	PUSPAKOM mempunyai jabatan dalaman yang mengawasi kawalan dalaman, proses pelaporan kewangan dan fungsi berkaitan termasuk berkaitan dengan rasuah.
18	PUSPAKOM memastikan bahawa terdapat pengasingan tugas yang sesuai untuk transaksi kewangan.
Penyimpanan dokumen dan rekod	
19	PUSPAKOM mempunyai prosedur untuk melaksanakan akauntabiliti di seluruh organisasi dan anak syarikatnya untuk menguatkuasakan kawalan dalaman dan penyimpanan dokumen dan rekod yang betul.
Anak Syarikat	
20	PUSPAKOM melaksanakan Program ABAC dalam semua entiti perniagaan yang mempunyai kawalan yang berkesan.



Pelaksanaan Langkah Kawalan (samb.) (Undertake Control Measures)

NO.	INISIATIF
Kontraktor dan Pembekal	
21	PUSPAKOM mempunyai pernyataan komitmen awam untuk menjalankan amalan kontrak dan perolehannya dengan cara yang adil dan telus.
22	PUSPAKOM mempunyai prosedur untuk melaksanakan komitmennya untuk menjalankan kontrak dan pembelian dalam perkara yang adil dan telus untuk mengatasi risiko rasuah.
23	PUSPAKOM menjalankan ketekunan wajar dalam menilai bakal kontraktor dan pembekal.
24	PUSPAKOM mempunyai prosedur untuk mengurangkan risiko apabila berurusan dengan kontraktor dan pembekal yang disyaki secara munasabah membayar rasuah atau bertindak dalam apa-apa cara yang tidak konsisten.
25	PUSPAKOM memaklumkan inisiatif yang berkaitan Program ABAC kepada kontraktor, subkontraktor dan pembekal.
26	PUSPAKOM mempunyai prosedur untuk memantau kontraktor dan pembekal penting untuk memastikan keberkesanan Program ABAC.
27	PUSPAKOM memastikan hak penamatan kontrak sekiranya kontraktor dan pembekal membayar rasuah atau bertindak dengan cara yang tidak konsisten dengan Program ABAC.



Pemantauan, Penilaian & Penguatkuasaan Sistematis (Systematic Review, Monitoring & Enforcement)

NO.	INISIATIF
1	Penilaian berterusan dilaksanakan menyokong penambahbaikan berterusan Program ABC.
2	Terdapat semakan tetap prosedur dalam semua fungsi operasi dikenal pasti dalam penilaian risiko, dengan pelaksanaan remedi yang sesuai. Penjelasan: Sebagai contoh, penilaian risiko mungkin memerlukan semakan yang lebih kerap dalam fungsi dengan pendedahan risiko yang lebih tinggi seperti: - jualan dan pemasaran - kontrak dan pembelian
3	Perbincangan diadakan dengan pihak berkepentingan, terutamanya pembekal dan kontraktor, untuk mendapatkan pandangan mereka tentang Program ABC.
4	Terdapat prosedur untuk membincangkan hasil audit dalaman program ABC dengan kakitangan operasi yang berkaitan.
5	Terdapat prosedur untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti melalui audit dalaman dengan pelan tindakan pembetulan yang didokumenkan dan jadual untuk tindakan.
6	Sistem kawalan dalaman, khususnya amalan perakaunan dan penyimpanan rekod, tertakluk kepada audit dalaman yang kerap untuk memberi jaminan bahawa ia berkesan dalam mengatasi serta sebarang ketidakselarasan lain yang dikenal pasti dengannya Program ABC.
7	Pihak atasan memantau Program ABC dan menyemak kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya secara berkala serta melaksanakan penambahbaikan mengikut kesesuaian.
8	Pihak atasan melaporkan keputusan secara berkala Program ABC kepada Lembaga Pengarah atau badan yang setaraf.
9	Perunding/pihak luar digunakan untuk memantau dan memberi nasihat mengenai Program ABC.



Latihan & Komunikasi (Training & Communication)

NO.	INISIATIF
1	Terdapat prosedur untuk menyampaikan program ABAC Organisasi, kepada pekerja melalui:
	a) Latihan induksi/orientasi yang sesuai untuk pekerja baharu
	b) Latihan berterusan yang sesuai untuk pekerja termasuk melalui program Bicara Khas Integrity bersama SPRM, e-Buletin dan e-Poster yang dikongsi setiap dua minggu.
2	Latihan yang sesuai untuk semua fungsi berdasarkan penilaian risiko untuk memastikan setiap orang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sumber untuk mematuhi Program ABAC. Antara latihan yang dijalankan taklimat mengenai PICF dan ' <i>Integrity Handbook</i> '.
3	Rekod latihan pekerja PUSPAKOM yang disimpan.
4	Menilai keberkesanan aktiviti latihan pada Program ABAC secara berkala.
5	Terdapat latihan tetap pihak ketiga dan kakitangan kontrak supaya mereka memahami dengan jelas Program ABAC, jangkaan Organisasi untuk pematuhan, dan sekatan sekiranya berlaku pelanggaran.
6	PUSPAKOM menyampaikannya Program ABAC dengan cara yang boleh diakses oleh semua pekerja dan pihak berkepentingan termasuk anak syarikat. Ini termasuk:
	a) Garis panduan dalam polisi ABAC.
	b) Semua dasar, prosedur dan garis panduan ABAC yang berkaitan didokumenkan dan menggunakan Bahasa yang difahami oleh semua peringkat kakitangan.
7	PUSPAKOM mengukur tahap pemahaman pekerja berkaitan tentangn Program ABAC Penjelasan: Kesedaran pekerja boleh diukur melalui kajiselidik, borang maklum balas, dsb.

 RUJUKAN

SUMBER

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Pindaan) 2018
2. Garis Panduan Tatacara Mencukupi
Di bawah Subseksyen (5) Seksyen 17A
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
3. Guidance on Good Practice and Checklist for Adequate Procedures
Published by Transparency International Malaysia
4. Pelan Anti Rasuah National 2019-2023
Semakan Semula, Separuh Penggal
Jabatan Perdana Menteri
5. DRB-HICOM's Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy
DRB-HICOM Berhad
6. PUSPAKOM Polisi Anti Rasuah
PUSPAKOM Sdn. Bhd.



IKRAR INTEGRITI KORPORAT PUSPAKOM SDN. BHD.

5 PRINSIP ANTIRASUAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT DI MALAYSIA

- Prinsip 1: Komitmen untuk menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik;
- Prinsip 2: Pengukuhan sistem kawalan dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;
- Prinsip 3: Pematuhan undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;
- Prinsip 4: Pembanterasan segala bentuk gejala rasuah; dan
- Prinsip 5: Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan dan SPRM

Mengiktiraf bahawa:-

- Prinsip Antirasuah Bagi Syarikat-Syarikat Di Malaysia, sebagaimana ianya boleh dipinda atau disemak dari semasa ke semasa, adalah merupakan prinsip di mana organisasi/syarikat di Malaysia perlu memberikan komitmen untuk mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus terbaik dalam semua aspek operasinya;
- Untuk menjalankan perniagaan yang bebas daripada rasuah, sejajar dengan Prinsip Antirasuah Bagi Syarikat-Syarikat Di Malaysia bagi menjaga kepentingan organisasi/syarikat dan pemegang sahamnya, di mana rasuah boleh memusnahkan nilai pegangan saham, menjejaskan keyakinan para pelabur dan menghalang perkembangan mampan organisasi/syarikat.

Bahawasanya kami, seluruh warga kerja PUSPAKOM berikrar:-

- tidak akan sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau Kanun Keseksaan;
- tidak akan menjalankan apa-apa amalan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- akan bersama-sama dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah;
- akan mendukung Prinsip Antirasuah Bagi Syarikat-Syarikat Di Malaysia dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, dan agensi Kerajaan; dan
- akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej organisasi/ syarikat.

CATATAN

Kami Hargai Maklumat Anda!

Laporkan aktiviti mencurigakan

Bahagian Audit Dalaman Kumpulan DRB-HICOM Berhad

Tingkat 5, Wisma DRB-HICOM, No.2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ **1-800-88-2005** ✉ **whistleblowing@drb-hicom.com**

 **PUSPAKOM**

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM



PUSPAKOM

Your Safety, Our Priority

MORE THAN 25 YEARS
IN ENSURING VEHICLE SAFETY
IN MALAYSIA